

Sabah buru tiga mata di tempat sendiri

um 7/1/2013 um-j. 30

KOTA KINABALU - Dibarisi lebih separuh muka baharu, Sabahawks pastinya mahu mencipta kelainan dalam persaingan Liga Perdana musim baru yang bermula, esok.

Tiga mata sulung pastinya menjadi buruan pertama Sabah yang akan memulakan kempen Liga Perdana musim ini dengan melayan kunjungan pasukan berstatus kelab, KL SPA Putrajaya di Stadium Likas, petang ini.

Pada perlawanan ini, Sabah bakal diperkuatkan dengan bekas penjaga gol kebangsaan, Syamsuri Mustafa di samping khidmat dua pemain import, Rhys David Weston dan Koh Traore.

Turut menjadi pertaruhan pastinya penyerang berpengalaman, Zainizam Marjan selain kapten, Rosdin Wasli, Juffery Omopor dan Sumardi Hajanlan.

Atas kertas, skuad kendalian jurulatih dari Ireland, David McCreery itu dilihat tidak berdepan masalah dengan kelebihan selaku tuan rumah dan pemain berpengalaman.

Bagaimanapun, David yang lebih suka bersikap rendah diri mengakui cabaran besar yang akan dihadapi oleh skuadnya pada kali ini.

Katanya, apa yang penting adalah semua pemain dapat bekerja sebagai satu pasukan dalam perlawanan sulung dan juga pada perlawanan-perlawanan akan datang.

"Memang cabaran agak hebat buat pasukan kerana terdiri daripada ramai muka baru. Jadi saya harap semua akan bekerja keras sebagai satu pasukan," katanya.

Sementara itu, pengurus pasukan, Alijus Sipil juga enggan terlalu yakin dengan kelebihan yang dimiliki Sabahawks, sebaliknya tetap menghormati kemampuan pasukan lawan dengan reputasi selaku juara Liga FAM musim lalu.

"Ini adalah perlawanan sulung kami dalam Liga Perdana musim ini dan saya cukup yakin pasukan akan bermain dengan baik sekali gus memenangi aksi ini untuk mengutip tiga mata penuh," katanya



PASUKAN Sabah melakukan latihan sebagai persiapan menghadapi kempen Liga Perdana musim 2013 menentang KL SPA Putrajaya di Stadium Likas, hari ini.

Sabah tekad bermula garang

Oleh MUSTAPA LAKAWA
mustapa.lakawa@kosmo.com.my

TIGA mata penuh menjadi buruan Sabah pada aksi pembukaan tirai kempen Liga Premier musim ini.

Sabah bakal melayan kunjungan pasukan berstatus kelab, KL SPA Putrajaya di Stadium Likas petang ini.

Di atas kertas, skuad kendalian jurulatih dari Ireland, David McCreery itu tidak berdepan masalah untuk menewaskan KL SPA Putrajaya berdasarkan kelebihan selaku tuan rumah, selain diperkuatkan barisan pemain berpengalaman.

Bagaimanapun, pengurus pasukan Alijus Sipil enggan terlalu yakin dengan kelebihan yang dimiliki skuad Sabahawks, sebaliknya tetap menghormati kemampuan pasukan lawan dengan reputasi selaku juara Liga FAM musim lalu.

"Ini adalah perlawanan sulung kami dalam Liga



astro
LIGA PREMIER
MALAYSIA

Premier musim ini dan saya cukup yakin pasukan akan bermain dengan baik, sekali gus memenangi aksi ini untuk mengutip tiga mata penuh.

"Paling penting, perlawanan esok (hari ini) akan menguji kemampuan sebenar pasukan selepas pilah hak pengurusan melakukan rombakan besar-besaran pada penghujung musim lalu," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Mengulas mengenai kemampuan lawan, Alijus percaya KL SPA Putrajaya yang dibimbing Mohd. Shah Norbit pasti mempunyai keyakinan tinggi apabila buat pertama kalinya beraksi di pentas Liga Premier.

"Setiap pasukan yang beraksi dalam Liga Malaysia (Liga M) adalah pasukan terbaik dan seharusnya kami menghormati kemampuan mereka.

"Pemain hanya perlu memberikan aksi terbaik mereka dan menggunakan



MCCREERY (kiri) menyampaikan amanat kepada para pemain Sabah menjelang aksi Liga Perdana menentang KL SPA Putrajaya di Stadium Likas petang ini.

setiap peluang untuk mencipta kemenangan," ujarnya. Pada perlawanan hari ini, Sabah bakal diperkuatkan

dengan kekebalan bekas penjaga gol kebangsaan, Syamsuri Mustafa selain khidmat dua pemain im-

port, Rhys David Weston dan Koh Traore.

Turut menjadi pertaruhan pastinya penyerang

berpengalaman, Zainizan Marjan selain kapten Rosdin Wasli, Juffery Ompor dan Sumardi Hajalan.

BH 7/1/2013 ms 46

SPA Putrajaya laung amaran

Putrajaya: Pendetang baru, Kelab Bola Sepak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA Putrajaya FC) melaungkan amaran awal untuk menjadikan pasukan Sabah sebagai 'mangsa' pertama mereka dalam mengharungi saingan Liga Perdana, musim ini.

Presiden merangkap, Setiausaha SPA, Datuk Ramli Juhari, berkata beliau yakin pasukannya mampu mencipta kejutan dan seterusnya mene-

waskan pasukan Negeri di bawah Bayu dalam pertemuan di Stadium Likas, Sabah, hari ini.

Sasar ke Liga Super

"Dengan tunjuk ajar ketua jurulatih, Mohd Shah Mohd Norbit dan bekas pemain kebangsaan, Nidzam Jamil selaku pengurus pasukan serta semangat berpasukan yang tinggi, kita yakin SPA Putrajaya FC mampu membuat ke-

jutan, musim ini.

"Sebagai persediaan awal menghadapi Liga Perdana, SPA Putrajaya FC sudah mengharungi beberapa perlawanan persahabatan dengan mengalahkan pasukan Liga Super seperti Negeri Sembilan, T-Team dan Selangor," katanya kepada BH di sini, semalam.

Mengorak langkah jauh

Pada masa masa, Ramli menaruhkeyakinan bahawa SPA Putrajaya FC mampu mengorak langkah jauh termasuk ke Piala Malaysia dan beraksi di Liga Super. Keyakinan itu berdasarkan kemampuan SPA Putrajaya FC layak ke Liga Perdana dan pernah muncul Juara Liga FAM serta layak ke suku akhir Piala FA 2012.

Sebelum ini, media melaporkan Nidzam optimis kelab bimbingannya itu mampu memberikan saingan kepada lawan walaupun tanpa kelibat 'awang import'. Ini kerana hampir 50 peratus muka lama dikekalkan selain mengambil beberapa pemain baru berpengalaman untuk memantapkan skuad juara Liga Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) 2012 itu.

Antara pemain berpengalaman yang menyertai kelab itu ialah bekas pemain Harimau Muda B, Gan Jay Han, bekas kapten Kuala Lumpur, Mohamed Aslam Haja Najumudden dan bekas pemain tengah Pulau Pinang, Mohd Arsyah Mohd Ayob.

FIXTURES

PREMIER LEAGUE

TODAY

SABAH	v	SPA PUTRAJAYA
(Likas Stadium, 4.15pm)		
PERLIS	v	SARAWAK
(Utama Stadium, 4.45pm)		
POLICE	v	BETARIA
(Hang Jebat Stadium, 4.45pm)		
POS MALAYSIA	v	KUALA LUMPUR
(Selayang Stadium, 4.45pm)		
UITM	v	KEDAH
(Hang Tuah Stadium, 4.45pm)		
JOHOR	v	SIME DARBY
(Pasir Gudang Stadium, 8.45pm)		

FOOTBALL

Season ready to blast-off

WILL BE CLOSE: Premier League gets things going with several glamour clubs in action

DEVINDER SINGH
devinder@nst.com.my

THE Malaysian Premier League has never quite managed to capture the public's imagination but that could change this year with the kick-off today featuring several glamour teams.

Kedah, Sabah and Sarawak will all be seeking a quick return to the Super League and with Sime Darby and Johor adding reinforcements, the title race in the second-tier will be one to watch out for.

Not since 2008 has the Premier League title been decided on the final day when Kuala Muda Naza beat KL Plus 3-2 to finish four points clear.

Armed Forces ran away with the championship last year, finishing eight points ahead of Pahang to reduce the Premier League to a side show.

Likewise, PKNS romped to a nine-point victory in 2011 over Sarawak, who in turn ended nine points ahead of Police.

Felda United won the 2010 title by two points over Sabah but they had settled the issue with a match to spare while Young Tigers finished five points ahead of Kuala Terengganu T-Team in 2009.

Sime Darby, who finished one point shy of a promotion playoff place and reached the FA Cup final in 2012, have a far different squad this year which is no less competitive as shown by a 4-1

win over Kelantan in a pre-season friendly.

"We have changed many players from last season's squad but we believe we can still challenge for the title. It will not be easy as there are many strong teams in the league this year," said Sime Darby coach Ismail Zakaria at his squad's unveiling recently.

Johor, who were relegated from the Super League in 2010, surprised many when they beat star-studded neighbours Darul Takzim to win a quadrangular tournament recently.

But having retained their two imports, the Brazilian Andrezinho and Argentine Muriel Orlando, Johor should rank as a serious title contender.

Kedah have re-signed their former Chilean player Nelson San Martin and scored a coup of sorts by persuading national players Baddrol Bakhtiar and Khyril Muhymeen Zambri to stay though they lost Amar Rohidan and goalkeeper Helmi Eliza Elias to Felda.

Sabah, under new coach David McCreery of Northern Ireland, hired former Wales international defender Rhys Weston and Malian Koh Traore while Croatian midfielder Ivan Babic joined Guy Bwelle of Cameroon at Sarawak.

The pick of the opening round matches is Johor's home tie against Sime Darby while Sabah entertain newly-promoted FAM League champions Public Service Commission (SPA) at Likas.

Sarawak travel to Kangar to face Perlis, who should have been playing in the third-tier but for the withdrawals of Muar Municipal Council and Universiti Sains Malaysia creating a vacancy.

Kedah travel to the Hang Tuah Stadium in Malacca to take on another promoted side in Universiti Teknologi Mara while Kuala Lumpur, relegated last season, face Pos Malaysia in Selayang without their two imports from Slovakia after failing to register them on time.